

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hasil yang telah dicapai sejak Kementerian Sumber Manusia menubuhkan Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional yang bernama *MYFutureJobs*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional (*National Employment Services Job Portal*) yang dikenali sebagai ***MYFutureJobs***. Portal ini telah dapat melancarkan lagi proses perkhidmatan pekerjaan dan juga telah digunakan sebagai platform dalam melaksanakan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*).

2. Hasil daripada pelaksanaan Portal *MYFutureJobs* dari Januari 2020 sehingga Mei 2020, sebanyak 54,988 kekosongan jawatan dan 67,000 pencari kerja telah didaftarkan. Portal *MYFutureJobs* telah dijadikan sebagai Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional pada bulan Jun 2020. Melalui publisiti dan perhatian yang meluas, portal *MYFutureJobs* telah berjaya dan memberi impak yang signifikan di

SOALAN NO : 47

mana dari Jun sehingga 22 Oktober 2020, sebanyak 301,244 kekosongan jawatan dan 294,256 pencari kerja telah didaftarkan.

3. Portal *MYFutureJobs* telah berjaya memadankan calon-calon pencari kerja. Statistik pencapaian dari Jun 2020 sehingga 22 Oktober 2020 adalah seperti berikut;

- a) Pertamanya, seramai **4,433** perantis telah berjaya ditempatkan di bawah program ***MyApprentice***;
- b) Kedua, program ***HireMalaysia*** dimana seramai **51,020** pekerja berjaya ditempatkan bagi umur bawah 40 tahun ke bawah dan **7,705** orang pekerja bagi 40 tahun ke atas;
- c) Ketiga adalah Insentif Pengambilan Pekerja Tempatan dari golongan **Orang Kurang Upaya (OKU)**. Seramai **322** Orang Kurang Upaya (OKU) berjaya ditempatkan;
- d) Keempat adalah **Bantuan Mobiliti**. Seramai **3,477** orang pekerja telah mendapat faedah melalui Bantuan Mobiliti ini; dan
- e) Kelima adalah Program **latihan**. Seramai **7,759** orang pekerja telah mendapat manfaat untuk mengikuti program latihan.

Sekian, terima kasih.